



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



**LIGA FUTSAL IPT
PERATURAN TATATERTIB
(Edisi 2025 - Pindaan Januari 2025)**

KANDUNGAN PERATURAN

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Jawatankuasa Tatatertib
5. Fungsi dan bidangkuasa Jawatankuasa Tatatertib
6. Mesyuarat
7. Kesalahan Tatatertib
8. Aduan
9. Siasatan
10. Arahan memberi keterangan atau mengemukakan dokumen
11. Peluang untuk didengar
12. Percanggahan kepentingan
13. Tindakan Tatatertib
14. Kegagalan Menghormati Keputusan dll
15. Jawatankuasa Rayuan
16. Notis Rayuan
17. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
18. Pindaan atau pembatalan peraturan
19. Serahan notis, surat, memo dll.

PADA menjalankan kuasa yang diperuntukan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Jawatankuasa Pelaksana Liga Futsal IPT (LFIPT) membuat peraturan berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. NAMA

- 1.1. Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan Tatatertib, Liga Futsal IPT (LFIPT), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau Kementerian atau Badan Tertinggi yang menyelia Pendidikan Tinggi di Malaysia.

2. PEMAKAIAN

- 2.1. Semua Pasukan, Pegawai atau Pemain yang terlibat di dalam LFIPT adalah tertakluk kepada Peraturan ini.
- 2.2. Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa semasa Kejohanan termasuklah Peraturan Am Pertandingan dan Undang-Undang Permainan.
- 2.3. Melainkan jika tidak diperuntukkan di bawah Peraturan ini, Kod Tatatertib FAM atau AFC akan terpakai bagi kesalahan dan Prosedur Tatatertib.
- 2.4. Peraturan ini tidak digunapakai terhadap sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Pengadil Pertandingan atau Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteknya menghendaki makna yang lain: -

KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau Badan Tertinggi yang menyelia Pendidikan Tinggi di Malaysia
FAM	Persatuan Bolasepak Malaysia, badan tertinggi yang menyelia sukan bolasepak Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997
Kejohanan	Liga Futsal Institusi Pendidikan Tinggi

Pengerusi	Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib di bawah Peraturan ini.
Pasukan	Pasukan yang disahkan penyertaanya di dalam Kejohanan
Pegawai	Semua Ahli Jawatankuasa dan Pegawai yang terlibat dalam Kejohanan termasuklah Pengurus, Jurulatih, Trainer, Pegawai Pertandingan, Pegawai Perubatan, Urusetia atau Pegawai yang bertanggungjawab berkaitan Teknikal dan Pegawai Pasukan (kecuali pemain atau pegawai Perantaran (intermediaries))
Pemain	Pemain futsal yang telah didaftar untuk menyertai Kejohanan termasuklah pemain berstatus Amatur atau Profesional.
Urusetia	Universiti atau Institusi Pendidikan Tinggi yang telah dilantik oleh pihak KPT bagi menjalankan tugas-tugas penganjuran kejohanan.
Pegawai Pertandingan atau Teknikal	Individu atau kumpulan yang telah dilantik bagi menjalankan tanggungjawab berkaitan dengan sesuatu kejohanan di dalam sebarang aspek Perlawanan. 1 Pengadil 2 Ketua Pengadil 3 Penyelaras /Koordinator 4 Kommisionar Perlawanan 5 Penilai Pengadil 6 Pegawai Media 7 Pegawai Keselamatan 8 Pegawai Perubatan 9 Pegawai lain yang diperlukan bagi menyelia pertandingan
Pengadil	Individu di lantik mengadili perlawanan sebagai Pengadil, Pembantu Pengadil, Pegawai Ke empat, Pegawai Ke lima atau Penjaga masa
Tuan Rumah	i) Universiti atau Institusi Pendidikan Tinggi dijalankan Kejohanan seperti di Arena Sukan, Stadium, Komplek Sukan atau gelanggang.

	ii) Menyediakan kemudahan asas (tandas dll) iii) Kawasan letak kereta iv) Tempat VIP & hospility v) Media vi) Kawasan Komersial spt. Kafeteria dll)
--	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

BAHAGIAN II JAWATANKUASA TATATERTIB

4. JAWATANKUASA TATATERTIB

- 4.1. Bagi tujuan Kejohanan ini, maka hendaklah diwujudkan satu Jawatankuasa Tatatertib oleh Jawatankuasa Pelaksana Kejohanan.
- 4.2. Jawatankuasa Tatatertib ini hendaklah dianggotai: -
 - (a) Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Kejohanan sebagai Pengerusi;
 - (b) Seorang Pegawai Undang-undang FAM;
 - (c) Seorang Pegawai KPT; dan
 - (d) Empat orang Setiausaha di bawah Majlis Sukan IPT
- 4.3. Setiausaha Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan Pegawai atau Urusetia Kejohanan.

5. FUNGSI DAN BIDANGKUASA JAWATANKUASA TATATERTIB

- 5.1. Jawatankuasa Tatatertib mempunyai bidangkuasa untuk menentukan sabitan kesalahan tatatertib dan menghukum apa-apa pelanggaran di bawah Peraturan ini terhadap Pasukan, Pegawai atau Pemain.

- 5.2. Jawatankuasa Tatatertib bertanggungjawab untuk;
- a) menghukum pelanggaran serius yang telah terlepas daripada perhatian pegawai pertandingan.
 - b) memperbetulkan kesalahan jelas dalam keputusan tatatertib pengadil.
 - c) melanjutkan tempoh penggantungan perlawanan yang diberikan secara automatik akibat daripada perintah keluar padang.
 - d) mengenakan hukuman tambahan, seperti denda.
- 5.3 Bidangkuasa Pengerusi atau ahli yang membuat keputusan secara berseorangan.
- 5.3.1 Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib atau ahli yang ditentukan oleh pengerusi, boleh mengambil keputusan berikut secara berseorangan.
- a) menggantung individu atau pasukan sehingga tiga (3) perlawanan atau sehingga dua (2) bulan atau satu atau dua musim;
 - b) mengenakan denda sehingga RM 5,000.00
 - c) menyelesaikan masalah yang timbul akibat daripada bantahan terhadap ahli Jawatankuasa Tatatertib;
 - d) mengeluarkan, mengubah atau membatalkan langkah-langkah sementara; dan
- 5.3.2 Di dalam kes bagi ahli yang ditentukan oleh pengerusi, bidangkuasa ini hanya boleh dilaksanakan dalam keadaan genting bergantung had masa atau integriti pertandingan semasa tempoh pertandingan.

6. MESYUARAT

- 6.1. Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib boleh diadakan di mana-mana tempat dan tarikh yang telah dipersetujui oleh Pengerusi.
- 6.2. Sekiranya Pengerusi tidak hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, mana-mana ahli lain boleh dilantik oleh Pengerusi atau memilih untuk menggantikannya bagi mempengerusikan Mesyuarat tersebut.
- 6.3. Korum untuk mana-mana mesyuarat Jawatankuasa ialah tiga orang termasuk Pengerusi.
- 6.4. Setiap keputusan yang dimuktamadkan atau diputuskan semasa mesyuarat hendaklah dimaklumkan ke Pengerusi.

BAHAGIAN III KESALAHAN TATATERTIB

7. KESALAHAN TATATERTIB

- 7.1 Pemain, Pegawai atau Pasukan yang terlibat dalam Kejohanan hendaklah jujur, bertanggungjawab dan mematuhi Peraturan, Kod, Tatacara atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana Jawatankuasa atau Pegawai Kejohanan dari masa ke masa bagi tujuan Kejohanan.
- 7.3 Mana-mana, Pemain, Pegawai atau Pasukan yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan berikut boleh dikenakan Tindakan Tatatertib: -
 - (a) Memalsu atau bersubahat memalsukan apa-apa dokumen Kejohanan termasuk borang penyertaan dan maklumat pemain;
 - (b) Memberi, menerima atau cubaan memberi atau menerima rasuah berkaitan Kejohanan;
 - (c) Mengatur keputusan perlawanan atau Kejohanan;
 - (d) Gagal ujian saringan anti doping yang dijalankan di dalam Kejohanan;

- (e) Kesalahan disiplin atau tingkah laku yang dirujuk oleh pengadil perlawanan termasuk pergaduhan, memberi ancaman dll;
- (f) Menyamar sebagai pemain atau pegawai Kejohanan bagi sesuatu kepentingan;
- (g) Bergaduh di kawasan perlawanan atau Kejohanan;
- (h) Mengeluarkan perkataan atau isyarat lucah atau kurang sopan kepada mana-mana pemain, pegawai pasukan atau pertandingan, pasukan atau penonton Kejohanan;
- (i) Menimbulkan kacau ganggu, provokasi, atau kegusaran yang boleh mengganggu kelancaran perjalanan perlawanan dan penganjuran Kejohanan;
- (j) Mengganggu, menghalang atau menyebabkan gangguan atau halangan kepada mana-mana pegawai pertandingan melaksanakan tugas;
- (k) Menyalahgunakan lesen pegawai atau pemain bagi apa apa tujuan;
- (l) Mencemar nama baik penganjur dan kejohanan;
- (m) Merosakkan atau cuba merosakkan peralatan di *venue perlawanan atau Kejohanan*;
- (n) Membuat provokasi atau menghasut;
- (o) Gagal, cuai atau ingkar mengikuti sebarang arahan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan; atau
- (p) Menarik diri dari pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula.
- (q) Menarik diri selepas pengesahan penyertaan tetapi sebelum undian atau menarik diri semasa undian.
- (r) Menarik diri selepas undian tetapi sebelum perlawanan pertama atau selepas perlawanan pertama.

- (s) Menarik diri atau kegagalan bermain setelah melayakkan diri pada mana-mana tahap pertandingan atau diarahkan bermain oleh JKTP.
- (t) Kegagalan menamatkan perlawanan, tanpa mendapat persetujuan JKTP.
- (u) Mana-mana Pasukan yang mengotor atau melakukan apa-apa perbuatan yang mengganggu kelancaran perlawanan atau pertandingan dengan persetujuan JKTP.
- (v) Apa-apa kesalahan lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa Pelaksana sesuai manfaat bagi kelancaran Kejohanan.

7.3 Pelanggaran berulang

- a) Jawatankuasa akan melihat keseriusan kesalahan itu (the seriousness of the offence) dan juga melihat hukuman yang pernah dikenakan untuk kesalahan serupa (similar offence) untuk rujukan.
- b) Jawatankuasa tersebut boleh meningkatkan hukuman yang akan dikenakan yang dianggap bersesuaian sesuatu pelanggaran itu berulang.
- c) Peruntukan ini adalah tertakluk kepada peraturan khas untuk mengawal pelanggaran peraturan anti-dadah yang berulang.

7.4 Salahlaku pasukan

Langkah-langkah tatatertib akan dikenakan ke atas pasukan atau kelab yang gagal menjaga tingkah laku dengan baik.

Khususnya;

- a) denda akan dikenakan dimana pengadil telah menghukum sekurang-kurangnya lima (5) ahli pasukan yang sama semasa perlawanan (amaran [kad kuning] atau perintah keluar);
- b) denda sekurang-kurangnya RM 2,000.00 boleh dikenakan di mana beberapa pemain atau pegawai daripada pasukan atau IPT yang sama atau mengganggu pegawai

pertandingan atau individu lain. Hukuman yang lanjut dikenakan di dalam kes kesalahan serius.

c) Jadual denda salahlaku pasukan;

Kategori (Pertandingan)	Perkara	Hukuman
Liga Super, Liga Premier, Liga Wanita, Piala LFIPT, Pusingan Kelayakan	5 pegawai dan/atau pemain menerima KK dan / atau KM dalam 1 perlawanan	1KK=denda RM10.00 1KM=denda RM30.00

KK = Kad Kuning
KM = Kad Merah

BAHAGIAN IV

TATACARA

8. ADUAN

- 8.1 Mana-mana orang atau organisasi boleh membuat sebarang aduan terhadap pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan ini.
- 8.2 Aduan hendaklah dibuat secara bertulis dengan mengemukakan maklumat berkaitan pelanggaran Peraturan termasuk butiran Pengadu, orang atau pasukan yang disyaki melakukan pelanggaran dll.

9. SIASATAN

- 9.1 Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib menerima sebarang aduan pelanggaran Peraturan, siasatan hendaklah dilakukan dengan seberapa segera oleh Urusetia.
- 9.2 Bagi tujuan siasatan Jawatankuasa Tatatertib boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil Siasatan yang dianggotai oleh mana-mana orang yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.

- 9.3 Mana-mana ahli Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah Peraturan ini tidak boleh menjadi Pengerusi atau ahli Jawatankuasa Kecil Siasatan.

10. ARAHAN MEMBERI KETERANGAN ATAU MENGEMUKAKAN DOKUMEN

- 10.1 Jawatankuasa Tatatertib boleh pada bila-bila masa mengarah mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen bagi melaksanakan kuasa dan fungsi di bawah Peraturan ini.

11. PELUANG UNTUK DI DENGAR

- 11.1 Tiada mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan ini melainkan Pasukan, Pegawai atau Pemain telah terlebih dahulu diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkannya tindakan tersebut dicadangkan dan Pasukan, Pegawai atau Pemain telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

12. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- 12.1 Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mengikrarkan kepentingan mereka terhadap mana-mana kes yang sedang dibicarakan dan mengecualikan diri dari terlibat atau memutuskan sebarang kes di mana dia mempunyai kepentingan.

13. TINDAKAN TATATERTIB

- 13.1 Mana-mana Pasukan atau individu (Pegawai atau Pemain) yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan Tatatertib ini dan didapati bersalah bagi kesalahan tersebut boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan tatatertib seperti berikut: -

- 13.1.1. Tindakan yang dikenakan bagi kesalahan terhadap

Individu:

- a) Amaran (warning);
- b) Denda (fine);
- c) Larangan (caution);
- d) Penyingkiran (expulsion);

- e) Pengantungan perlawanan (match suspension);
- f) Dilarang berada di bilik persalinan/kawasan teknikal/bangku simpanan;
- g) Dilarang memasuki Kawasan Pertandingan;
- h) Dilarang mengambil bahagian di dalam sebarang aktiviti futsal;
- i) Dilucutkan hak atau anugerah;
- j) Rampasan (confiscation); dan
- k) Kerja-kerja amal (social work).

13.1.1.2 Tindakan yang dikenakan bagi kesalahan terhadap
Pasukan atau IPT:

- a) Amaran (warning);
- b) Denda (fine);
- c) Pembatalan keputusan perlawanan;
- d) Tidak layak menyertai mana-mana kejohanan dan/atau dikecualikan bagi menyertai kejohanan pada masa hadapan dalam tempoh satu (1) musim atau dua (2) musim.
- ; e) Kekalahan dengan kerugian;
- f) Ditolak mata (perlawanan semasa atau akan datang);
- g) Diturunkan Liga;
- h) Diarahkan perlawanan semula;
- i) Dilucutkan hak atau anugerah;
- j) Rampasan (confiscation);
- k) Pengurangan penyaluran insentif melalui kejohanan oleh KPT;
- l) Sekatan bilangan pemain yang boleh didaftar oleh pasukan di dalam sebarang kejohanan futsal anjuran KPT;
- m) menarik balik lesen penyertaan di dalam sebarang kejohanan anjuran KPT;
- n) Larangan mendaftar pemain baru di dalam kejohanan anjuran KPT; dan
- o) Kerja-kerja amal (social work).

13.1.1.3 Denda

13.1.1.3.1 Semua denda hendaklah di bayar di dalam RM (Ringgit Malaysia).

13.1.1.3.2 Jumlah denda yang dikenakan kepada Individu hendaklah;

13.1.1.3.2.1 Tidak kurang daripada RM500.00 atau tertakluk kepada kelayakan umur pemain di dalam sesuatu kejahatan iaitu tidak kurang daripada RM250.00; dan

13.1.1.3.2.2 Tidak melebihi RM5,000.00.

13.1.1.3.3 Jumlah denda yang dikenakan kepada Pasukan atau IPT hendaklah;

13.1.1.3.3.1 Tidak kurang daripada RM2,000.00; dan

13.1.1.3.3.2 Tidak melebihi RM15,000.00.

13.1.1.3.3 Jawatankuasa yang menjatuhkan hukuman berhak menentukan tempoh dan cara menjelaskan denda.

13.1.1.4 Kesalahan-kesalahan Lain

Kesalahan atau kelakuan tidak wajar "improper Conduct"	Penalti
Keganasan terhadap orang atau hartabenda/objek ("violence towards persons or object")	Tertakluk kepada kes mengikut hukuman dan denda
Membaling atau membuang mercun atau api yang menyala ("letting off incendiary devices or fire")	RM1,000.00 (satu mercun/bunga api) RM5,000.00 (antara dua dan lima)

	RM10,000.00 (antara enam dan sepuluh)
Pancaran laser ("flashing lasers")	RM200.00 per pancaran (maximum lima)
Membaling objek	
Botol minuman atau tin aluminium (berisi)	RM200.00 (antara satu dan sepuluh)
Botol minuman atau tin aluminium (kosong)	RM100.00 (antara satu dan sepuluh)
Batu	RM300.00 (antara satu dan sepuluh)
Plastik/cawan kertas	RM100.00 (antara satu dan sepuluh)
Barang-barang lain	RM100.00 (antara satu dan sepuluh)
Kombinasi bagi semua barang di atas	RM200.00 (antara satu dan sepuluh)

14. KEGAGALAN MENGHORMATI KEPUTUSAN DLL

14.1 Mana-mana Pemain, Pegawai atau Pasukan atau IPT yang gagal, cuai, atau ingkar membayar denda atau pampasan dalam jumlah wang secara keseluruhan atau sebahagian dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib dan keputusan rayuan (keputusan kewangan atau keputusan bukan kewangan), atau sesiapa yang gagal mematuhi keputusan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa ini akan dikenakan tindakan:

- a) akan di denda sebanyak RM 1,500.00 bagi kegagalan mematuhi keputusan;
- b) akan diberikan tarikh akhir oleh Jawatankuasa Pelaksana untuk membayar jumlah yang tertunggak atau untuk mematuhi keputusan (bukan kewangan);

- c) (untuk pemain atau pegawai pasukan sahaja) akan diberikan amaran dan notis bahawa, di dalam kes kelalaian atau kegagalan mematuhi keputusan dalam tempoh yang diberikan, Pemain atau Pegawai Pasukan tersebut, tindakan tatatertib seterusnya akan dikenakan dan tidak dibenarkan menyertai mana-mana perlawanan seterusnya. Larangan status pinjaman pemain juga boleh dikenakan.
- d) (untuk pasukan atau IPT sahaja) akan diberikan amaran dan notis bahawa, di dalam kes kelalaian atau kegagalan mematuhi keputusan dalam tempoh yang diberikan, mata akan dipotong atau diarahkan untuk turun ke liga yang lebih rendah atau penyingkiran daripada pertandingan KPT juga boleh dikenakan.

BAHAGIAN V RAYUAN

15. JAWATANKUASA RAYUAN

15.1 Jawatankuasa Rayuan mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan rayuan terhadap mana-mana keputusan yang tidak dinyatakan oleh peraturan pertandingan atau sabitan kesalahan tatatertib dan hukuman apa-apa pelanggaran di bawah Peraturan ini terhadap Pasukan, Pegawai atau Pemain.

15.2 Bagi maksud rayuan di bawah Peraturan ini, hendaklah diwujudkan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kejohanan.

15.2.1 Jawatankuasa Rayuan hendaklah terdiri daripada: -

- (a) Setiausaha atau Timbalan Setiausaha Bahagian Sukan, KPT sebagai Pengerusi;
- (b) Seorang Pegawai FAM;
- (c) Seorang Pegawai Undang-Undang; dan
- (d) Empat orang Pengerusi Majlis Sukan IPT

15.2.2 Setiausaha Jawatankuasa Rayuan adalah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan Pegawai atau Urusetia Kejohanan.

15.3 Bidangkuasa Pengerusi atau ahli yang membuat keputusan secara berseorangan.

15.3.1 Pengerusi Jawatankuasa Rayuan atau ahli yang ditentukan oleh pengerusi, boleh mengambil keputusan berikut secara berseorangan.

- a) menyelesaikan masalah yang timbul daripada bantahan terhadap Ahli Jawatankuasa Rayuan;
- b) peraturan untuk rayuan terhadap keputusan sementara yang dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatttertib dan lain-lain keputusan yang dikeluarkan oleh pengerusi atau ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib secara berseorangan.
- c) mengeluarkan, mengubah atau membatalkan langkah-langkah sementara; dan

15.3.2 Di dalam kes bagi ahli yang ditentukan oleh pengerusi, bidangkuasa ini hanya boleh dilaksanakan dalam keadaan genting bergantung had masa atau integrity pertandingan semasa tempoh pertandingan.

16. NOTIS RAYUAN

16.1 Mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang tidak berpuas hati dengan keputusan suatu Jawatankuasa Tatatertib KFIPT, boleh memberikan notis secara berulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Rayuan untuk merayu terhadap keputusan itu dalam tempoh masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.

16.2 Notis rayuan hendaklah menyatakan dengan jelas alasan rayuan.

16.3 Had masa untuk merayu

16.4 Deposit

16.5 Keputusan Jawatankuasa Rayuan berhubung mana-mana rayuan adalah muktamad.

BAHAGIAN V AM

17. KUASA UNTUK MENGELUARKAN ARAHAN

- 17.1 Bagi memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Peraturan ini dipatuhi oleh semua Pasukan, Pegawai dan Pemain, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat.

18. PINDAAN ATAU PEMBATALAN PERATURAN

- 18.1 Jawatankuasa Pelaksana Kejohanan boleh meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan Peraturan ini.

19. SERAHAN NOTIS, SURAT, MEMO DLL

- 19.1 Sebarang notis, surat, memo atau dokumen yang perlu diserahkan di bawah Peraturan ini boleh dihantar melalui medium elektronik dan ia dianggap sempurna sekiranya ia telah dihantar melalui alamat medium elektronik yang berada di dalam rekod Urusetia Kejohanan.
- 19.2 Sekiranya notis, surat, memo atau dokumen yang perlu diserahkan di bawah Peraturan ini dihantar melalui pos berdaftar, ia dianggap sempurna sekiranya telah dihantar ke alamat yang berada di dalam rekod simpanan Urus Setia Kejohanan.

Disediakan oleh;
Urusetia, Liga Futsal IPT (LFIPT), IIUM